



**MOHD GHAZALI TOCHEH**

**(07/06/1949 – 06/01/2009)**

**MENGUNGKAP KEINDAHAN DALAM KEGELAPAN**

*Oleh: Norhashimah Hashim*

DIA tidak berjuang di medan perang kerana dia tidak berupaya menggunakan mata pedang. Tetapi, dia mampu berjuang di medan penulisan dengan menggunakan mata pena yang sering dikatakan lebih tajam daripada mata pedang. Begitupun, pergerakan mata penanya sentiasa dikawal oleh mata fikir dan diawas oleh mata hati agar tidak tersasar. Mata hati dan mata fikirnya menjadi lebih peka setelah mata fizikalnya sudah tidak dapat menikmati erti keindahan. Sesungguhnya, kegelapan yang tiba-tiba menyerakup dunianya tidak sekali-kali menggelapkan masa depannya.

Mohd Ghazali Tocheh yang dilahirkan pada 7 Jun 1949 di Kampung Pilin, Rembau, Negeri Sembilan merupakan anak ketiga daripada enam belas beradik. Dia menerima pendidikan awal di Sekolah Umum Pilin pada tahun 1955. Pada tahun 1962, dia melanjutkan pelajaran ke Special Malay Class di Undang Rembau English Secondary School. Setelah lulus Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), dia meneruskan pengajian di Sekolah Menengah Melayu Chembong, Rembau.

Setelah lulus Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan gred tiga, Ghazali mula aktif sebagai Setiausaha Persatuan Belia kampungnya dan Setiausaha Pemuda UMNO Port Dickson. Pada bulan September 1969, dia mula berkhidmat sebagai Pegawai Pertanian Muda dengan Kementerian Pertanian Malaysia di Jalan Swettenham, Kuala Lumpur. Sebulan kemudian, dia bertugas di Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor pula.

Pada tahun 1971, dia mula menghadapi masalah dengan penglihatannya. Ini dipercayai berpunca daripada demam panas yang kerap dihidapinya sejak di tingkatan empat. Rawatan awal membolehkannya melihat lampu dan cahaya. Pernah seketika rawatan itu membolehkannya membaca. Ternyata rawatan yang dijalannya cuma membolehkannya melihat kadar yang tertentu untuk jangka masa yang tertentu sahaja. Lama kelamaan, penglihatannya kian hilang.

Pada tahun 1972, Ghazali terpaksa melepaskan jawatannya. Dengan bantuan Jabatan Kebajikan Rembau, dia dapat menjejakkan kaki ke Pusat Latihan Gurney, Kuala Lumpur. Di pusat inilah dia belajar menyesuaikan diri dengan dunia barunya. Dia dilatih membaca dan menulis dengan menggunakan huruf braille. Kemudian, dia mengikuti Kursus Jurutrengkas dan lulus Sijil Perdagangan Malaysia bagi kategori 80 dan 100 patah perkataan. Dia turut menimba pengalaman sebagai Setiausaha Persatuan Pelatih pusat tersebut.

Selepas tamat berkursus di Pusat Latihan Gurney, Ghazali berniaga dari rumah ke rumah secara kecil-kecilan sementara menanti tawaran kerja tetap. Penantiannya berakhir pada 23 Mac 1976 apabila dia melapor diri sebagai Jurutrengkas di Bahagian Belanjawan Jabatan Perbendaharaan Malaysia, Kementerian Kewangan. Antara bidang tugasnya ialah menaip belanjawan negara, kertas cadangan dan minit mesyuarat. Tugas-tugas itu memang berat tetapi mencabar.

Dia bersara secara pilihan pada tahun 2002. Sepanjang perkhidmatannya, dia telah menerima anugerah Khidmat Cemerlang Kementerian Kewangan sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1990 dan tahun 2000.

Ghazali turut meluangkan masa untuk ikut terlibat dalam aktiviti-aktiviti anjuran Majlis Kebangsaan Orang Buta Malaysia (NCBM) dan pertubuhan-pertubuhan gabungannya. Dia pernah menganggotai Jawatankuasa Perhubungan Awam Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (SBM). Dia juga pernah mempengerusikan Biro Pendidikan, Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita SBM cawangan Kuala Lumpur/Selangor dari tahun 1999 hingga 2001. Dari tahun 2001 hingga 2003, dia bertindak selaku pengerusi cawangan tersebut.

Dalam pada sibuk dengan tugas di pejabat dan kerja-kerja sukarela, Ghazali tetap tidak mengabaikan tanggungjawabnya sebagai ketua keluarga. Kebajikan isteri diutamakan. Pendidikan puteri-puterinya dititikberatkan. Kini, anak sulungnya sudahpun bekerja. Anak kedua dan ketiga pula sedang melanjutkan pelajaran di institusi pendidikan tinggi manakala anak bongsunya telah ditawarkan untuk belajar di Maktab Rendah Sains MARA.

Ghazali adalah antara penulis cacat penglihatan tersohor di negara ini. Dia mula berjinak-jinak dengan bidang penulisan semasa mengikuti kursus menaip di Pusat Latihan Gurney. Langkah pertamanya ialah menghantar rencana kepada majalah dan

akhbar. Rencana-rencana itu yang berkisar kepada kehidupan orang cacat penglihatan pernah mendapat tempat di Utusan Malaysia dan Berita Harian.

Dari rencana, dia mencuba bakat dalam penulisan novel pula setelah dia mula bekerja. Manuskrip pertama yang menceritakan pengalamannya telah ditolak oleh Encik A.M. Sani, Editor Dewan Bahasa dan Pustaka. Bagaimanapun, editor berkenaan telah memberi kritikan membina dan membimbingnya. Ghazali sendiri bersedia belajar daripada kesilapannya. Dia telah meneliti pembetulan yang telah dibuat oleh Encik A.M. Sani. Kemudian, dia menulis semula manuskrip tersebut. Manuskrip yang berjudul Dua Dunia itu telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1984. Kejayaan ini telah merangsang Ghazali untuk terus menghasilkan novel.

Sehingga kini hampir tiga puluh novel Ghazali telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Utusan Publication, Edusystem, Fajar Bakti dan Marwilis Publisher. Novel-novelnya menggarap pelbagai tema dan persoalan. Ada yang memaparkan kehidupan golongan cacat penglihatan seperti Dua Dunia dan Diari Dua Dunia. Norain dan Simfoni Kasih pula adalah antara novel Ghazali yang cuba menelusuri kehidupan para remaja yang kehausan kasih sayang. Dalam novel-novel seperti Rintisan Rasa, Krisis dan Bayangan Ajal pula, penulis ini cuba menyorot konflik jiwa watak utamanya. Persoalan sejarah yang diadunkan dengan fiksyen boleh ditemui dalam novel Di Hujung Perjuangan dan Air Mata Muhibah.

Selain untuk bacaan umum, beberapa novel Ghazali turut terpilih sebagai bahan bacaan tambahan di sekolah rendah dan menengah. Malah, novelnya yang berjudul Ekspedisi telah terpilih sebagai salah sebuah novel untuk Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu untuk kajian pelajar tingkatan tiga mulai tahun 2002.

Di samping menulis novel, Ghazali turut menghasilkan puisi, cerpen, drama radio, drama pentas dan drama televisyen. Ini jelas menunjukkan dia seorang penulis prolific dan serba boleh.

Ghazali tidak ketinggalan untuk mencuba nasib dalam berbagai pertandingan dan sayembara penulisan. Antara kejayaan yang pernah dirangkulnya ialah memenangi hadiah penghargaan Pertandingan Menulis Skrip Drama Pentas anjuran Yayasan Seni dan Berita Harian (1991), hadiah penghargaan Pertandingan Seni Kreatif Puisi Kebangsaan Permodalan Nasional Berhad (1999) dan memenangi tempat ketiga Sayembara Menulis Novel Remaja Utusan-Public Bank menerusi novelnya yang berjudul Ekspedisi.

Pengarang ini juga turut menganggotai beberapa kelab dan persatuan penulis. Antaranya ialah Kelab Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN). Dia terlibat secara aktif dalam kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan tersebut. Jika terpilih sebagai peserta bengkel dan seminar penulisan yang diadakan dari semasa ke semasa, dia akan mempergunakan peluang itu untuk menimba ilmu dan teori baru. Di samping itu, dia tidak keberatan untuk berkongsi pengalaman dengan penulis-penulis baru dalam dialog atau ceramah yang diatitkan. Dia

turut diberi kepercayaan menyelenggarakan beberapa antologi bersama, siri novel remaja dan siri novel sejarah ahli-ahli. Ghazali juga sudah beberapa kali ikut serta dalam rombongan Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) ke Indonesia untuk berdialog dan berpuisi dengan para penulis dan para sarjana dari nusantara.

Kewibawaan penulis ini dalam bidang penulisan telah mendapat pengiktirafan daripada berbagai pihak. Dia sering diundang untuk memberi ceramah di sekolah, di radio dan di televisyen. Dia juga telah menjadi pengacara majlis-majlis sastera.

Walaupun nama Ghazali sudah gah ke mana-mana, dia tetap tidak melupakan rakan-rakan senasibnya yang berminat untuk turut sama belayar di lautan seni tetapi tidak tahu ke mana hendak dihalakan kemudi mereka. Pada tahun 1995, dia telah menyelenggarakan penerbitan Siri Tamu Istimewa Utusan Publication. Siri ini menampilkan empat buah novel dan sebuah antologi cerpen bersama karya penulis-penulis cacat. Tiga tahun kemudian, dia telah mengusahakan penerbitan Siri Lambaian Hijrah pula hasil usahasama Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (SBM) dan Edusystem. Siri ini mengandungi enam buah novel karya ahli-ahli SBM.

Ghazali juga sering terlibat dalam majlis-majlis diskusi penulisan bersama ahli-ahli SBM, pelatih-pelatih Pusat Latihan Gurney dan pelajar-pelajar cacat penglihatan yang masih di bangku sekolah bagi mencungkil bakat pelapis.

Di samping mengenengahkan orang-orang cacat penglihatan dalam bidang penulisan, Ghazali juga tidak melupakan rakan-rakan senasibnya yang berbakat dan berminat dalam bidang lakonan.

Dia telah mengadakan beberapa bengkel bagi mengenal pasti ahli-ahli SBM yang berbakat dalam seni lakon. Mereka ini kemudiannya telah terlibat dalam pementasan drama Kena Main karya Khalid Salleh pada bulan Jun 1998. Pementasan ini telah dicatat dalam Malaysian Book Of Record.

Kejayaan Mohd Ghazali Tocheh sewajarnya menjadi pendorong kepada sesiapa sahaja yang sedang teragak-agak untuk mula melangkah ke dunia penulisan tidak kiralah sama ada mereka cacat atau tidak.

Tidak dapat dinafikan bahawa perjalanan yang harus dilalui oleh seorang penulis agak sukar. Saingan dari penulis lain, kerenah editor dan penerbit, gelagat pembaca yang mempunyai pelbagai cita rasa, andaian yang berbeza-beza daripada para pengkritik – semuanya akan menggugat kesabaran dan keimanan seseorang penulis. Apapun, bunga-bunga kejayaan pasti menanti para penulis yang cekal, berdisiplin dan mempunyai rasa yakin diri yang tinggi seperti Mohd Ghazali Tocheh.